

PEMBANGUNAN ELEMEN KOMPETENSI KEMAHIRAN HIJAU BAGI
PELAJAR TEKNOLOGI PEMBINAAN DI KOLEJ VOKASIONAL

MUHAMMAD IQMALHAKIM BIN NOR AZIZI

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal dan Vokasional (KBV)



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

APRIL 2021

Saya akui tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Pelajar : 

MUHAMMAD IQMALHAKIM BIN NOR AZIZI

Tarikh : ...2 Mei 2021.....

Penyelia : 

DR. AFFERO BIN ISMAIL



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

DEDIKASI

Teristimewa buat ayah dan ibu yang disayangi dan dikasihi, Nor Azizi bin Mohd. Isa dan Hapsah binti Hussain. Kepada adik-beradik tersayang, Nor Hidayah, Mohd Zikrilhakim dan Muhammad Isyraqhakim, segala doa, pengorbanan, dorongan, kesabaran serta kasih sayang daripada kalian amatlah ku sanjungi dan ku hargai.

Khas buat penyelia yang dikasihi, Dr. Affero bin Ismail segala bimbingan, tunjuk ajar dan jasamu tidak akan ku lupai. Juga buat rakan-rakan sekelas dan teman-teman seperjuangan yang masih setia bersama-sama sepanjang menempuhi pengajian ini, terima kasih di atas sokongan dan semangat daripada kalian. Hanya Allah sahaja yang mampu membalas jasa baik kalian.



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi yang telah memberi saya peluang dan kekuatan untuk menyiapkan projek ini. Semoga Allah s.w.t mencurahkan rahmat ke atas kita semua. Setinggi-tinggi penghargaan kepada pensyarah pembimbing saya iaitu Dr. Affero bin Ismail yang telah banyak membantu, memberi bimbingan dan tunjuk ajar serta sentiasa bersabar dengan karenah saya. Segala teguran, nasihat dan tunjuk ajar serta kata-kata semangat akan tetap saya ingati dan amatlah dihargai.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan khasnya kepada kedua ibu bapa yang tercinta iaitu Nor Azizi bin Mohd. Isa dan Hapsah binti Hussain serta keluarga yang tidak pernah jemu dalam memberi sokongan, semangat dan kata-kata nasihat dalam memotivasikan insan yang kerdil ini.

Ucapan penghargaan dan ribuan terima kasih juga ditujukan kepada teman-teman seperjuangan, rakan-rakan sekelas serta rakan-rakan sepermainan yang banyak membantu dan memberi kerjasama sama ada secara langsung ataupun tidak langsung di sepanjang tempoh menyiapkan kajian ini. Semoga kita semua sentiasa diberkati oleh Allah S.W.T.

Amin Ya-Rabbal alamin.



ABSTRAK

Kemahiran hijau merupakan kemahiran yang perlu ada pada semua peringkat umur dan ianya mendasari semua bidang. Individu yang memasuki industri mesti dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang mencukupi berkaitan dengan kemahiran hijau. Sehubungan dengan itu kajian ini dijalankan untuk membangunkan elemen kompetensi kemahiran hijau bagi pelajar Teknologi Pembinaan di kolej vokasional. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bersifat penerokaan berurutan. Kajian ini dijalankan dalam dua fasa dimana fasa pembangunan elemen (fasa pertama) menggunakan kaedah temu bual dan dianalisis menggunakan analisis tematik dan analisis matriks manakala bagi fasa pengesahan elemen (fasa kedua) menggunakan borang persetujuan pakar bagi mendapatkan data dan dianalisis menggunakan *Fuzzy Delphi Method*. Hasil daripada temu bual yang melibatkan tiga orang pakar telah menghasilkan 34 kod selepas dianalisis menggunakan analisis tematik. Hasil daripada analisis matriks telah menghasilkan 45 item kompetensi kemahiran hijau bagi pelajar Teknologi Pembinaan di kolej vokasional. Sebanyak 41 elemen kompetensi kemahiran hijau bagi pelajar Teknologi Pembinaan di kolej vokasional telah mendapat persetujuan dan diterima oleh 10 orang pakar. Impak terbesar dalam kajian ini adalah untuk menghasilkan pelajar yang mempunyai kemahiran hijau bagi menghadapi industri hijau setelah tamat pengajian di kolej vokasional.

Kata Kunci: Kemahiran hijau; Kompetensi; Teknologi Pembinaan; *Fuzzy Delphi Method*.

ABSTRACT

Green skills are skills that must be present at all ages and they underlie all areas. Individuals entering the industry must be equipped with adequate skills and knowledge related to green skills. Accordingly this study was conducted to develop green skills competency elements for Construction Technology students in vocational colleges. This study uses a qualitative approach of sequential exploratory. This study was conducted in two phases where the element development phase (first phase) using interview method and analyzed using thematic analysis and matrix analysis while for element validation phase (second phase) using expert consent form to obtain data and analyzed using Fuzzy Delphi Method. Results from interviews involving three experts produced 34 codes after being analyzed using thematic analysis. The results of the matrix analysis have produced 45 green skills competencies items for Construction Technology students in vocational colleges. A total of 41 elements of green skills competencies for Construction Technology students in vocational colleges were approved and accepted by 10 experts. The biggest impact of this study is to produce students with green skills to face the green industry after graduating from vocational colleges.

Keywords: Green skills; Competency; Construction Technology; Fuzzy Delphi Method.



KANDUNGAN

	TAJUK	i
	PENGESAHAN PELAJAR	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1	Pengenalan	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	5
	1.3 Penyataan Masalah	9
	1.4 Tujuan Kajian	11
	1.5 Objektif Kajian	11
	1.6 Persoalan Kajian	12
	1.7 Skop Kajian	12
	1.8 Limitasi Kajian	12



1.9	Kerangka Konsep Kajian	12
1.10	Definisi Operasi	14
1.10.1	Kompetensi	14
1.10.2	Kemahiran Hijau	14
1.10.3	Domain Kognitif	14
1.10.4	Domain Afektif	14
1.10.5	Domain Psikomotor	15
1.10.6	Domain Sosial	15
1.10.7	Domain Teknikal	15
1.10.8	Teknologi Pembinaan	15
1.10.9	Kolej Vokasional	16
1.10	Rumusan	16
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	17
2.1	Pengenalan	17
2.2	Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)	17
2.3	Kolej Vokasional	19
2.3.1	Matlamat dan Objektif Kolej Vokasional	21
2.3.2	Kurikulum Kolej Vokasional	22
2.4	Teknologi Pembinaan	23
2.5	Kemahiran Hijau	24
2.5.1	Kepentingan Kemahiran Hijau	25
2.5.1.1	kepada TVET	25
2.5.1.2	kepada Pelajar	26
2.5.1.3	kepada Pensyarah	27



2.6	Kompetensi	28
2.6.1	Domain Kompetensi	29
2.6.1.1	Pengetahuan (Domain Kognitif)	30
2.6.1.2	Sikap (Domain Afektif)	32
2.6.1.3	Kemahiran (Domain Psikomotor)	34
2.7	Model	36
2.7.1	Taksonomi Bloom	36
2.7.1.1	Kognitif	37
2.7.1.2	Afektif	39
2.7.1.3	Psikomotor	39
2.8	Kajian-kajian Lepas	40
2.9	<i>Fuzzy Delphi Method</i>	42
2.9.1	Penganalisan Data bagi <i>Fuzzy Delphi Method</i>	45
2.9.2	Prosedur menjalankan <i>Fuzzy Delphi Method</i>	45
2.10	Elemen Kompetensi Kemahiran Hijau diperolehi daripada Kajian Literatur	47
2.11	Rumusan	49
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	50
3.1	Pengenalan	50
3.2	Reka Bentuk Kajian	50
3.3	Proses Kajian	53
3.3.1	Fasa Pembangunan Elemen	53
3.3.2	Fasa Pengesahan Elemen	54
3.4	Prosedur Kajian Fasa Pembangunan Elemen	55
3.4.1	Instrumen Kajian	55



3.4.1.1	Protokol Temu Bual	55
3.4.1.2	Senarai Semak	56
3.4.2	Sampel Kajian dan Kaedah Persampelan	56
3.4.2.1	Pihak Industri Pembinaan	57
3.4.3	Penganalisan Data	57
3.4.3.1	Analisis Tematik	58
3.4.3.2	Analisis Matiks	58
3.5	Prosedur Kajian Fasa Pengesahan Elemen	59
3.5.1	Instrumen Kajian	59
3.5.1.1	Borang Persetujuan Pakar	59
3.5.2	Sampel Kajian dan Kaedah Persampelan	60
3.5.2.1	Pakar Teknologi Pembinaan	61
3.5.3	Penganalisan Data	61
3.5.3.1	<i>Fuzzy Delphi Method</i>	62
3.6	Kaedah Penganalisan Data	62
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan	63
3.7.1	Temu Bual	63
3.7.2	Borang Persetujuan Pakar	64
3.8	Kerangka Operasi Kajian	65
3.9	Rumusan	68
BAB 4	ANALISIS KAJIAN	69
4.1	Pengenalan	69
4.2	Fasa Pembangunan Elemen	70
4.2.1	Demografi Responden	70



4.2.2	Analisis Tematik	71
4.2.2.1	Mengenali dan Memahami Data	71
4.2.2.2	Menyusun Kod	72
4.2.2.3	Mencari Tema	83
4.2.2.4	Menyemak Semula Tema	85
4.2.3	Analisis Matriks	86
4.3	Fasa Pengesahan Elemen	93
4.3.1	Demografi Pakar	93
4.3.1.1	Jantina	94
4.3.1.2	Pengalaman Mengajar	94
4.3.1.3	Jawatan	94
4.3.1.4	Pengalaman di Industri	95
4.3.2	<i>Fuzzy Delphi Method</i>	95
4.3.2.1	Kemahiran Hijau dalam Aspek Kognitif	96
4.3.2.2	Kemahiran Hijau dalam Aspek Afektif	99
4.3.2.3	Kemahiran Hijau dalam Aspek Psikomotor	102
4.3.2.4	Kemahiran Hijau dalam Aspek Sosial	105
4.3.2.5	Kemahiran Hijau dalam Aspek Teknikal	108
4.4	Rumusan	115
BAB 5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	116
5.1	Pengenalan	116
5.2	Ringkasan Kajian	117
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	119



5.3.1	Elemen Kompetensi Kemahiran Hijau yang Diperlukan oleh Industri	119
5.3.2	Pembangunan Elemen Kompetensi Kemahiran Hijau bagi Pelajar Kolej Vokasional	121
5.3.3	Kesepakatan daripada Pakar terhadap Elemen Kompetensi Kemahiran Hijau bagi Pelajar Kolej Vokasional	124
5.4	Kesimpulan	129
5.5	Cadangan bagi Kajian Lanjutan	131
5.6	Penutup	132
	RUJUKAN	133
	LAMPIRAN	155
	VITA	



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

2.1	Tahap kompetensi kognitif	31
2.2	Tahap kompetensi afektif Krathwohl dan Grandlund	33
2.3	Domain kognitif asal Bloom	37
2.4	Domain kognitif ubahsuai Bloom	38
2.5	Aras domain afektif	39
2.6	Aras domain psikomotor	39
2.7	Pembolehubah linguistik bagi 7 skala	47
2.8	Pembolehubah linguistik bagi 5 skala	47
2.9	Kod daripada kajian literatur	48
3.1	Rumusan proses kajian	53
3.2	Bahagian dan kandungan protokol temu bual	56
3.3	Skala likert tujuh aras	60
3.4	Rumusan analisis data	63
4.1	Latar belakang responden berdasarkan jantina	70
4.2	Profail latar belakang responden	71
4.3	Kod dan perincian temu bual	73
4.4	Kod temu bual	82
4.5	Kod diperoleh daripada kajian literatur	82



4.6	Tema yang dibentuk serta bilangan kod dalam tema	84
4.7	Kompilasi tema dan kod	84
4.8	Analisis matriks bagi persilangan dapatan temu bual dan dapatan semakan literatur	87
4.9	Jantina	94
4.10	Pengalaman mengajar	94
4.11	Jawatan	95
4.12	Pengalaman di industri	95
4.13	Dapatan nilai <i>threshold</i> (<i>d</i>) bagi konsensus pakar (kognitif)	97
4.14	Dapatan data bagi konsensus pakar (kognitif)	98
4.15	Dapatan nilai <i>threshold</i> (<i>d</i>) bagi konsensus pakar (afektif)	100
4.16	Dapatan data bagi konsensus pakar (afektif)	101
4.17	Dapatan nilai <i>threshold</i> (<i>d</i>) bagi konsensus pakar (psikomotor)	103
4.18	Dapatan data bagi konsensus pakar (psikomotor)	104
4.19	Dapatan nilai <i>threshold</i> (<i>d</i>) bagi konsensus pakar (sosial)	106
4.20	Dapatan data bagi konsensus pakar (sosial)	107
4.21	Dapatan nilai <i>threshold</i> (<i>d</i>) bagi konsensus pakar (teknikal)	109
4.22	Dapatan data bagi konsensus pakar (teknikal)	110
4.23	Elemen kompetensi kemahiran hijau bagi pelajar Teknologi Pembinaan di kolej vokasional (elemen akhir)	113
4.24	Meta elemen bagi kompetensi kemahiran hijau bagi pelajar Teknologi Pembinaan di kolej vokasional	114
5.1	Dapatan kajian dan meta elemen bagi kompetensi kemahiran hijau bagi pelajar Teknologi Pembinaan	125



SENARAI RAJAH

1.1	Kerangka konsep kajian	13
2.1	Hubungkait antara domain, penilaian dan hasil pembelajaran	30
2.2	Graf segitiga min melawan nilai <i>triangular</i>	45
2.3	Peratus kesepakatan pakar	47
3.1	Proses kajian dijalankan	52
3.2	Kerangka Operasi Kajian	67
4.1	Contoh transkrip temu bual yang dijalankan	72
4.2	Item kompetensi kemahiran hijau bagi pelajar Teknologi Pembinaan di kolej vokasional	112
5.1	Gambarajah keseluruhan proses pembangunan elemen kompetensi kemahiran hijau bagi pelajar Teknologi Pembinaan di kolej vokasional	130



SENARAI SINGKATAN

KeTTHA	-	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Malaysia
DTHK	-	Dasar Teknologi Hijau Kebangsaan
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
BPTV	-	Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
SMV	-	Sekolah Menengah Vokasional
SKM	-	Sijil Kemahiran Malaysia
MTUN	-	<i>Malaysia Technical University Network</i>
PTV	-	Pendidikan Teknikal dan Vokasional
IPT	-	Institut Pengajian Tinggi
TVET	-	<i>Technical Vocational Education and Training</i>
FPTV	-	Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional
UTHM	-	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
KV	-	Kolej Vokasional
KH	-	Kemahiran Hijau
ESD	-	<i>Education for Sustainable Development</i>
FDM	-	<i>Fuzzy Delphi Method</i>
OJT	-	<i>On Job Training</i>
SE	-	<i>School Enterprise</i>
GB	-	<i>Green Building</i>



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

A	Protokol Temu Bual	154
B	Pengesahan Pakar bagi Protokol Temu Bual	157
C	Senarai Semak	172
D	Borang Persetujuan Pakar	175
E	Pengesahan Pakar bagi Borang Persetujuan Pakar	183
F	Contoh Penilaian Pakar menggunakan <i>Google Form</i>	187
G	Borang Tinjauan Awal	198
H	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	201
I	Carta Gantt Penyelidikan	213



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Isu alam sekitar merupakan masalah sosial yang sentiasa melanda masyarakat bermula dengan masalah pencemaran alam sekitar, perubahan iklim global serta kekurangan sumber semula jadi dunia yang mengancam kehidupan individu, masyarakat dan organisma hidup yang lain (Bruni, Chance dan Wesley, 2012). Alam sekitar merupakan unsur yang melibatkan perhubungan antara dua unsur iaitu abiotik dan biotik di mana unsur abiotik dikenali sebagai unsur tidak hidup seperti angin dan suhu manakala unsur biotik pula ialah unsur hidup seperti manusia dan ikan (Ismail, Syed Hussain dan Ayob, 2004). Aktiviti manusia merupakan antara punca utama kerosakan alam sekitar (Abdul Rahman, 2010). Pertambahan penduduk, perkembangan teknologi dan perubahan budaya masyarakat telah menggalakkan penggunaan sumber alam sedangkan usaha pemeliharaan alam sekitar tidak dijalankan (Mohamad, Muhammad dan Hasan, 2004). Kesan daripada kegiatan manusia sendiri telah menyumbang kepada peningkatan gas rumah hijau di atmosfera yang menyebabkan pemanasan global (Ismail dan Abdul Rahman, 2011). Fenomena pemanasan global yang semakin kritikal telah menyebabkan kepupusan flora dan fauna, paras laut meningkat akibat hakisan glasier di kutub, kelebaran kawasan gurun serta peristiwa-peristiwa bencana alam seperti kemarau, tsunami, banjir dan pencemaran udara yang mana telah mengorbankan ribuan manusia di seluruh dunia (Grove, 2002).

Tahun kebelakangan ini, banyak negara telah memberi tumpuan kepada pertumbuhan hijau yang bertujuan untuk mencapai model ekonomi yang berdaya



tahan, rendah karbon serta sumber yang lebih efisien yang membawa kepada kualiti kehidupan yang lebih tinggi dan menggalakkan kesejahteraan rakyat termasuklah daripada aspek pendidikan. Sebelum ini, kebanyakan aktiviti ekonomi tidak menyumbang kepada pembangunan lestari daripada segi sosial, ekonomi mahupun alam sekitar disebabkan oleh tahap teknikal dan teknologi yang kurang canggih (Chinowsky, Hayles, Schweikert, Strzepek, Strazepek dan Schlosser, 2011). Negara-negara di seluruh dunia telah membayar kos yang sangat tinggi untuk pencemaran alam sekitar dan perubahan iklim. Pencemaran alam sekitar dan perubahan iklim memberi kesan negatif terhadap kelestarian aktiviti ekonomi di seluruh dunia. United Nations Environment Programme (UNEP) (2011) menyatakan disebabkan oleh berlakunya perubahan iklim dan persekitaran, maka akan berlakunya perubahan corak cuaca, kemarau yang teruk atau monsun, peningkatan paras laut dan sebagainya. Kesan-kesan ini akan menyebabkan kesan buruk terhadap sosial dan ekonomi jika tindakan pragmatik tidak diambil bagi mengatasi masalah ini. Peraturan alam sekitar membawa kepada kemajuan teknikal dan peningkatan permintaan kemahiran teknikal dan sains (Vona, Marin, Consoli dan Popp, 2015).

Pelbagai pihak seperti kerajaan, organisasi luar dan para saintis mengemukakan idea untuk menyelesaikan masalah ini. Salah satu kaedah yang dipersetujui mampu menangani masalah ini ialah kesedaran terhadap teknologi hijau. Tindakan kerajaan dalam menyokong usaha ini dapat dilihat melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) apabila tertubuhnya Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Malaysia (KeTTHA) yang berfungsi sebagai agensi yang menjana pertumbuhan teknologi hijau negara. Kementerian ini memainkan peranan penting dalam mempromosi dan mensinergikan teknologi hijau dalam semua bentuk pembangunan. Dengan adanya agensi seperti ini, sedikit sebanyak dapat membantu kita menangani masalah ini kerana implimentasi teknologi hijau dapat memberi kesan negatif yang minima terhadap alam sekitar (KeTTHA, 2015). Ini mencerminkan bahawa kerajaan Malaysia memberi tumpuan untuk menangani pencemaran alam sekitar dan perubahan iklim.

Justeru itu, kesedaran teknologi hijau dalam pendidikan merupakan agen yang paling berpengaruh dalam masyarakat untuk menyampaikan maklumat dalam meminimalisasikan kesan negatif terhadap alam sekitar (Hanifah, Shahrudin, Mohmadisa, Nasir dan Yazid, 2015). Pendidikan berkaitan alam sekitar perlu dimulakan dari rumah, peringkat sekolah rendah seterusnya ke peringkat yang lebih



tinggi dalam memupuk kesedaran untuk menangani fenomena yang serius ini. Institusi pendidikan seperti sekolah perlu menjadi saluran utama pendidikan kepada masyarakat supaya pengetahuan, kemahiran, nilai-nilai murni dan tindakan yang betul dapat disebarkan dengan baik (Abdullah, 2012). Golongan awal usia yang mengamalkan teknologi hijau amat berpotensi mempengaruhi amalan mereka pada masa hadapan (Garabuau-Moussaoui, 2011).

Pada Julai 2009, mantan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak telah melancarkan Dasar Teknologi Hijau Kebangsaan (DTHK) yang menekankan kepada aspek pemacuan pertumbuhan ekonomi negara dan pembangunan lestari. DTHK mempunyai empat (4) tonggak utama iaitu tenaga, alam sekitar, ekonomi dan sosial. Dasar ini diwujudkan kerana teknologi hijau berpotensi besar sebagai alternatif dalam memacu pembangunan negara kerana dapat menjana tenaga dengan kos yang lebih murah, selamat dan mesra pengguna.

Seiring dengan DTHK, kerajaan juga telah menambahbaik kurikulum pendidikan Malaysia dengan memasukkan elemen teknologi hijau. Elemen 'Teknologi Hijau dalam Melestarikan Alam' digunakan dalam kurikulum Tingkatan 4 seperti yang termaktub dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Elemen ini digunakan adalah untuk melahirkan pelajar yang menyedari keputusan dan tindakan bahawa setiap individu mempunyai impak kepada alam sekitar, harus menghormati bumi serta menyedari sebarang perkembangan dan pembangunan mestilah mengikut kadar dan cara yang sesuai dengan kapasiti bumi pulih semula. Program di bawah kerjasama oleh KeTTHA, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Yayasan Hijau Malaysia (YaHijau), Pusat Pendidikan dan Latihan Tenaga Boleh Baharu, Kecekapan Tenaga dan Teknologi Hijau (CETREE) telah mewujudkan sebuah Modul Teknologi Hijau Asas Kelestarian edisi panduan guru. Jadi guru dapat melatih atau mendidik pelajar mengikut modul yang telah disediakan. Hasan, Abdul Kadir dan Asimiran (2013) menyokong usaha kerajaan ini dengan menyatakan aktiviti yang mampu memberi impak positif ialah aktiviti yang dilakukan dalam kurikulum dan kokurikulum sekolah yang melibatkan semua pelajar.

Malaysia kini sedang melalui satu era iaitu era transformasi pendidikan ke arah yang lebih baik. Pendidikan di Malaysia kini dalam usaha dipertingkatkan sebaris dengan negara-negara Asia yang lain. Salah satu aspirasi di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang diperkenalkan pada 2013 ialah membangunkan sistem yang tidak hanya menumpu kepada laluan akademik biasa, tetapi turut memberi penekanan



kepada laluan Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional atau TVET. TVET ialah satu sistem pendidikan yang menyediakan latihan khusus untuk kemahiran-kemahiran teknikal dan beberapa kemahiran yang lain (Kayan, Hamzah dan Udin, 2011). Terdapat pelbagai institusi TVET yang telah diwujudkan oleh kerajaan antaranya *Malaysia Technical University Network* (MTUN), Giat MARA, Institut Latihan Perindustrian (ILP), Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), Kolej Poly-Tech MARA, Kolej Kejururawatan, Kolej Vokasional dan banyak lagi.

Teknologi hijau merangkumi pelbagai aspek alam sekitar yang sangat luas, dan salah satunya adalah kemahiran hijau. Buntat dan Othman (2012) menyatakan istilah kemahiran hijau muncul sejak kedatangan teknologi hijau. Teknologi hijau memerlukan satu kemahiran khusus untuk mengoperasikan teknologi hijau itu sendiri iaitu dipanggil sebagai kemahiran hijau atau *green skills* (Rebecca, 2010). Kemahiran hijau diperlukan untuk mengendalikan dan membangunkan teknologi hijau. Kemahiran hijau ditafsirkan sebagai satu kemahiran yang mendasari semua bidang pekerjaan dan perlu ada pada setiap insan. Menurut Strachan dan Laing (2010), kemahiran hijau ialah sebuah kemahiran yang merangkumi kebolehpercayaan, inisiatif dan kemahiran interpersonal yang mesti ada di dalam diri setiap manusia.

Kemahiran hijau bermaksud pengetahuan, kebolehan, nilai dan sikap yang diperlukan dalam kehidupan. Secara umumnya, kemahiran hijau dianggap sebagai kemahiran untuk kemampuan yang berkaitan dengan kemahiran teknikal, pengetahuan, nilai dan sikap yang diperlukan dalam tenaga kerja untuk membangun dan menyokong hasil sosial, ekonomi dan persekitaran yang mampan dalam perniagaan, industri dan komuniti (McDonald, Condon dan Riordan, 2012). Setiap individu dinasihatkan untuk mengamalkan kemahiran hijau dalam kehidupan seharian mereka sebanyak yang mungkin dimana mereka boleh memulakan dengan amalan biasa seperti menggunakan bekas sendiri apabila mereka membeli makanan daripada mereka menggunakan Styrofoam atau bekas plastik yang tidak mesra alam (Kamis, Ramlee, Abdul Wahab dan Ismail, 2016).

Dua jenis kemahiran utama yang sering dikehendaki oleh majikan ialah kemahiran teknikal dan kemahiran generik. Secara umum, kemahiran teknikal dianggap sebagai kemahiran yang berkaitan dengan pekerjaan, seperti pengaturcaraan, membaiki kereta, memotong kayu, membina bangsal dan sebagainya (Laker dan Powel, 2011). Manakala kemahiran generik adalah kemampuan untuk mengendali pekerjaan dan manusia seperti kemahiran komunikasi, kemahiran kerja berpasukan,



penyelesaian masalah dan pemikiran kritis (Zhang, 2012). Kedua-dua kemahiran teknikal dan kemahiran generik adalah penting untuk mendapatkan pekerjaan. Walau bagaimanapun, senario ini telah berubah dimana seseorang yang mempunyai kemahiran teknikal dan kemahiran generik tidak mencukupi baginya untuk mendapatkan pekerjaan (Abdullah, Mohamed, Sabran, Muthusamy dan Amin, 2009). Selain daripada kemahiran yang disebutkan di atas, majikan mula mencari tenaga kerja dengan kemahiran hijau yang sangat diperlukan untuk mempromosikan pembangunan kelestarian dalam sosial, ekonomi dan persekitaran. Hal ini kerana kebanyakan industri telah beralih kepada industri hijau maka majikan memerlukan pekerja yang mempunyai kemahiran hijau dalam memenuhi keperluan industri hijau dan ekonomi hijau (Buntat dan Othman, 2012).

Kemahiran hijau berkait rapat dengan alam pekerjaan kelak. Strieska-Illina, Haro dan Jeon (2011) menyatakan kemahiran hijau mendapat permintaan yang tinggi dalam pembangunan ekonomi hijau. Jadi, kemahiran hijau ini merupakan satu kemahiran yang perlu diterapkan dalam setiap pelajar kolej vokasional agar mereka dapat menghadapi cabaran kehidupan selepas tamat pengajian di kolej vokasional kelak.

1.2 Latar Belakang Masalah

Sehingga hari ini, sudah berlaku pelbagai bencana alam di Malaysia. Negara juga tidak mahu digemparkan dengan sebarang ancaman baru daripada pencemaran tersebut hingga ke tahap mengancamkan keamanan dan keselamatan negara. Sudah berlaku pelbagai bencana alam yang datangnya daripada tangan manusia sendiri seperti gempa bumi, kemarau, banjir dan tsunami (Md. Jahi, 2001). Perasaan kurang prihatin dan bertanggungjawab individu terhadap memelihara alam sekitar telah memberi kesan negatif kepada alam semulajadi dan kualiti hidup manusia (Tan dan Azman, 2011). Pelbagai kaedah telah disyorkan dan dilakukan untuk menangani masalah ini namun masih ramai pihak yang mengambil sikap tidak ambil peduli.

Sesetengah negara terutama negara maju mula mengambil langkah berjaga-jaga dan langkah-langkah untuk menangani isu alam sekitar dengan memindahkan model ekonomi semasa kepada ekonomi hijau (*European Centre for the Development of Vocational Training*, 2010). Ekonomi hijau bermakna pembuatan, komersil, perkhidmatan dan aktiviti ekonomi lain yang lebih mesra alam serta menghasilkan



pelepasan karbon yang lebih rendah, dan menggunakan tenaga yang tidak boleh diperbaharui yang lebih rendah yang membawa kepada peningkatan kesejahteraan dan sosial (*United Nations Environment Programme, 2011*). *European Centre for the Development of Vocational Training* atau CEDEFOP (2010) juga menyatakan peralihan kepada ekonomi hijau telah meningkatkan kadar perubahan dalam pasaran tenaga kerja dan kemahiran yang dikehendaki oleh industri hijau. Industri hijau yang menyokong ekonomi hijau memerlukan pekerja dengan kemahiran hijau untuk melaksanakan tugasnya.

Jadi apabila dilihat semula bagaimana cara untuk mendedahkan keperluan kemahiran hijau ini dengan lebih efektif kepada manusia, tidak lain ianya adalah dalam bentuk pendidikan. Penerapan kemahiran hijau dalam sistem pendidikan mampu mewujudkan masyarakat yang mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap alam sekitar dan juga melahirkan masyarakat Malaysia yang beretika tinggi (Chen, Hill, Ohlemüller, Roy dan Thomas, 2011). Untuk melahirkan individu yang mempunyai sikap keprihatinan yang tinggi terhadap alam sekitar adalah dengan memberinya pengetahuan tentang alam sekitar (Kollmuss dan Agyeman, 2002). Tahap kesedaran masyarakat Malaysia terhadap kemahiran hijau masih belum mencapai tahap yang memuaskan (Kiat Lian, 2010). Bukan itu sahaja, boleh dikatakan masih ramai yang tidak biasa dan tahu tentang istilah kemahiran hijau. Selain itu, pendidikan merupakan medium paling mudah untuk menyampaikan maklumat serta mampu meningkatkan kualiti hidup. Pendidikan boleh dijadikan sebagai medium yang penting dalam menyampaikan input dan maklumat berkaitan dengan pengetahuan dan kesedaran manusia terhadap alam sekitar (Abdullah, Shafii dan Seow, 2013).

Isu utama yang berlaku kini adalah kurangnya penekanan terhadap kemahiran hijau dalam pendidikan di Malaysia. Sekiranya konsep pembangunan berteraskan kelestarian alam tidak dipraktikkan, negara bakal menghadapi risiko melahirkan golongan pekerja yang berkemahiran tetapi mengabaikan tanggungjawab memelihara alam serta keperluan penjimatan tenaga dan sumber asli. Maka, kemahiran hijau perlu diterapkan dalam kurikulum sekolah (Kamis, Alwi, Mohd Affandi, Nur Yunus dan Che Rus, 2016). Kemahiran hijau amat diperlukan di dalam kurikulum pendidikan di Malaysia adalah kerana kemahiran ini dikehendaki oleh pekerjaan hijau serta mampu membangunkan ekonomi hijau (Asnawi dan Djatmiko, 2016). Menurut Coljin (2014), implikasi positif daripada penerapan kemahiran hijau ini dalam diri pelajar adalah apabila mereka pergi ke tahap pendidikan yang lebih tinggi,



mereka dapat menerapkan semula apa yang telah mereka pelajari dan akhirnya mampu menghasilkan produk hijau.

Menurut Herman (2019), pendidikan di Malaysia memerlukan satu transformasi untuk meningkatkan tahap kualiti pendidikan dan akhirnya melahirkan pelajar atau graduan yang cemerlang seiring dengan matlamat keempat (ke-4) iaitu Pendidikan Berkualiti dalam Matlamat Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDG) yang dikeluarkan oleh United Nations. Sudah tiba masanya, para pelajar aliran TVET sedar bahawa dengan menguasai kemahiran hijau dalam diri mereka, mereka akan menjadi insan yang diperlukan dalam industri (Ismail, Kamis, Che Kob, Kiong dan Rahim, 2016).

Industri hijau telah menyebabkan perubahan dalam tuntutan majikan terhadap kerja dan kemahiran pekerja. Dengan kata lain, jurang kemahiran yang ketara akan diwujudkan dalam pasaran buruh oleh kerana keperluan daripada industri hijau. Akibat daripada mengabaikan dan tidak mengisi jurang kemahiran ini boleh menghalang pertumbuhan ekonomi dan pekerjaan serta akan menjadi penghalang kepada usaha untuk melawan perubahan iklim. Pelan Pelaksanaan Perjanjian Kemahiran Hijau (2010) yang dikeluarkan oleh kerajaan Australia mengesahkan bahawa golongan pekerja perlu mempertingkatkan kemahiran dan kompetensi sedia ada mereka supaya selari dengan kehendak industri masa kini. Di dalam perjanjian tersebut juga menggalakkan usaha pembangunan pelajar aliran TVET agar mereka terdedah dan berpeluang mempelajari kemahiran baru yang bercirikan kelestarian ekonomi, sosial dan persekitaran. Pavlova dan Huang (2013) pula merumuskan dalam kajian mereka bahawa unsur-unsur kemahiran hijau harus dimasukkan dalam pendidikan teknikal dan vokasional kerana ianya mampu membawa beberapa manfaat seperti menambah nilai dalam kehidupan, tidak merosakkan alam sekitar, berpegang kepada sains dan teknologi, bekerja keras dan mematuhi undang-undang dan integriti dalam melaksanakan tugas dalam kehidupan harian. Kebanyakan orang hanya mengetahui kemahiran generik, kemahiran teknikal dan kemahiran pekerjaan, tetapi pengetahuan mereka mengenai kemahiran hijau sangat terhad (Abdul Hamid, Kamin, Abdul Latif, Buntat dan Awang, 2016).

Tidak lupa juga aliran TVET juga amat memerlukan kemahiran hijau dalam kurikulum pendidikan (Saibani, Nordin dan Saud, 2012). Menurut Abdul Hamid (2014), dapat dilihat di dalam kurikulum TVET berkenaan topik kemahiran hijau masih tidak diintegrasikan secara menyeluruh serta rujukan dan kajian masih kurang



RUJUKAN

- Abd. Aziz, H. A. & Mansor, N. R. (2013) Persepsi tenaga akademik di Institusi Pengajian Tinggi terhadap kemampuan Bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa pengantar utama ilmu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu; Malay Language Education (MyLEJ)*, 3 (2). pp. 41-48. ISSN 2180-4842.
- Abd. Rahim, A. R. (2001). *Nilai-nilai Murni dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Cergas (M) Sdn. Bhd.
- Abdul Ghafar, M. N. (2011). *Pembinaan & Analisis Ujian Bilik Darjah* (2 ed. Vol. 371.26). Skudai: Penerbit UTM Press.
- Abdul Halim, I. (2016). *Analisis Tematik Tafsiran Ayat Al-Quran Berkaitan Penjagaan Alam Sekitar*. Universiti Sains Malaysia. Tesis PhD.
- Abdul Hamid, M. Z. (2014). *Kemahiran Generik Hijau: Eksplorasi Kajian Perpustakaan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Hamid, M. Z., Kamin, Y., Abdul Latif, A., Buntat, Y., & Awang, Z. (2016). *Generic Green Skills: Industry and Perspectives on Technical Education and Vocational Training (TVET)*. In: *TVET@Asia*, 6, pp. 1-13.
- Abdul Hamid, M. Z., Hassan, Z., Nordin, M. S., Kamin, Y., Atan, N. A. & Suhairom, N. (2019). *Generic Green Skills in Teaching and Learning: Meaning and Implementation*. *Universal Journal of Educational Research (UJER)*. Vol. 7, Issue 12A, Dec. 2019. pp 121-126.
- Abdul Hamid, M. Z., Nordin, M. S., Kamin, Y., Mustamal, A. H. (2019). *Paving Sustainable Development Through Generic Green Skills Based on Desk Research*. *International Journal of Recent Technology and Engineering (IJRTE)*. Vol. 8, Issue 2S9, Sept. 2019. pp 911-916.



- Abdul Kadir, N., Ismail, A. & Khairani, A. Z. (2020). Pembinaan Instrumen Komitmen Pemimpin Pertengahan: Aspek Kesahan dan Kebolehpercayaan. *Journal of Educational Research and Indigeneous Studies*: Vol. 1 (1). e-ISSN: 2682-759X.
- Abdul Rahman, H. (2010). *Human Rights to Environment in Malaysia*. Health and the Environment Journal. Vol. 1, No. 1.
- Abdul Rasyid, A. R. (2005). Profesionalisme Keguruan Prospek dan Cabaran. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah, K. & Ahmad, J. (2014). Impak Pemerkasaan Teknologi Hijau terhadap Amalan Pengamal Perhubungan Awam Hijau di Malaysian Green Technology Corporation (GreenTech Malaysia). *Akademika* 84(3) 2014:29-39.
- Abdullah, S. N. A. S. & Abdul Razak, A. Z. (2014). Penerimaan Guru Terhadap Latihan Dalam Perkhidmatan dan Kesesuaian Aspek-Aspek Latihan Dalam Perkhidmatan. *Journal of Educational Research*. Vol. 34, 2014/01/01.
- Abdullah, A. & Marican, S. (2017). *The Association between Big-Five Personality and Property Deviance* (2nd May). *Global Journal of Business & Social Science Review*, Vol. 5(2) 2017. 24-28. Dicapai: <https://ssrn.com/abstract=3002413>.
- Abdullah, N. H. L. (2012). *Pendidikan alam sekitar merentas kurikulum di sekolah rendah: Satu penilaian awal*. In International Environment & Health Conference, 195-204. Pulau Pinang.
- Abdullah, N. H. L., Shafii, H. & Seow, T. W. (2013). Pengetahuan murid dan perkaitan ibu bapa terhadap kesedaran alam sekitar: Satu kajian awal. *Jurnal Teknologi* 64(1): 51-57.
- Abdullah, Z., Mohamed, A., Sabran, M.S., Muthusamy, P., & Amin, S.M. (2009). *Kemahiran Berkesan*, UPM Press, Serdang, Selangor.
- Abu Bakar, N., Ismail, S., & Mamat, S. (2010). *Will Graduating Year Accountancy Students Cheat in Examination? A Malaysian Case*. *International Education Studies*, 3 (3), 145-152.
- Achmad, M. (2008). *Teknik Simulasi dan Permodelan*. Yogyakarta Universitas Gadjah Mada.

- Adham, K. N., Siwar, C. & Atan, Abd. Malik. (2012). Pelaksanaan Perolehan Hijau Kerajaan: Isu, Cabaran dan Strategi Daripada Perspektif Pegawai Perolehan Kerajaan Malaysia. Prosiding Perkem VII, Jilid 1 (2012) 291 - 304. ISSN: 2231-962x.
- Adler, M. & Ziglio, E. (1996). *Gazing into the oracle: The Delphi method and its application to social policy and public health*. London: Jessica Kingsley Publishers.
- Adnan, N. A. (2005). Profil Kemahiran Generik Pelajar Aliran Teknikal Di Politeknik. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana Pendidikan.
- Agus, S. (2017). *Identification of green skills acquisition in Indonesia TVET curricula*. AIP Conference Proceedings, 1887 (1), 1-6.
- Ahmad, N. L. & Majid, N. A. (2018). Program Praktikum Sebagai Medium Penguatan Kemahiran Insaniah dalam Kalangan Guru Pelatih. *Journal Pendidikan Malaysia*. Vol. 43, Issue 2, 17-27.
- Ahmad Yusoff, A., Abdullah, M. R. T., Endut, M. N. A., Abdul Aziz, E., & Talib, A. T. (2018). *Indicators for Socio Religious Harmony Index (SRHI) Instrument for Malaysia: Findings of FDM Expert Panel*. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.* 26 (5): 55-72.
- Aiken, L.R. (1976). *Update on Attitude and Other Effective Variables in Learning Mathematics, Attitudes a hand book of social psychology*. Werchester Moss: Clark Mines Press.
- Amin, H. M., Jaafar, J., Hood, Z., Saad, S., & Amin, H. M. (2013). Kemahiran insaniah pelajar prasiswazah: Analisis perbezaan jantina. *Jurnal Teknologi (Sains Sosial)*. 61:1, 19–25.
- Anderson, L., & Krathwohl, D. (2001). *A taxonomy for learning, teaching, and assessing: A Revision of Bloom's Taxonomy of Educational Objectives*. New York: Longman Publishing.
- Anyi, G. (2007). Kesediaan Guru Novis Terhadap Pengajaran Kemahiran Hands-on di 100 Sekolah Menengah Teknik. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Tesis Sarjana Muda.



PPT AUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

- Ariant, A. (2012). Definisi Kognitif, Afektif dan Psikomotor. (atas talian). <http://abazariant.blogspot.com/2012/10/definisi-kognitif-afektif-dan-psikomotor.html>
- Ariffin, K. (2005). *English in Education: Issues and Challenges in the Malaysia Classroom*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) Bahasa dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 2. Jurnal e- Bangi, 3(3), 1-17.
- Arifin, M. Z. A. (2015). Tahap kesedaran teknologi hijau dalam kalangan guru-guru Teknologi Kejuruteraan Zon Utara. Masters thesis, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Asnawi, R., & Djatmiko, I. (2016). *A challenge of vocational education for preparing green employment*. The International Journal of Technical and Vocational Education, 11(2).
- Averill, J. B. (2002). *Matrix Analysis as a Complementary Analytic Strategi in Qualitative Inquiry*. Qualitative Health Research. Vol. 12, No. 6, pp 855-866.
- Azilan, M. R., Ramlee, M., & Roszelina, A. R. (2018). Hubungan Kemahiran Keboleherjaan Pelajar Kolej Vokasional Pertanian Dengan Kesiediaan Menghadapi Revolusi Industri 4.0. Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Lifelong Learning, 2(1), 1-15.
- Baedhowi (2006). Kebijakan Assessment dalam Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan (KTSP). Jurnal Pendidikan dan Kebudayaan Depdiknas. Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, (2012). Tranformasi Pendidikan Vokasional.
- Berliner, D. C. (2004). *Describing the Behavior and Documenting the Accomplishment of Expert Teachers*. Bulletin of Science, Technology & Society, 24(3), 200-212.
- Biden, N. & Kamin, Y. (2013). Implikasi penjenamaan semula Sekolah Menengah Vokasional (SMV) kepada Kolej Vokasional (KV). *2nd International Seminar on Quality and Affordable Education*.
- Biggs, J. B., & Collins, K. F. (1982). *Evaluating the Quality of Learning. The SOLO Taxonomy*. London: Academic Press.



PUSAT PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

- Bloom, B. S. (1956). *Taxonomy of Educational Objectives, The Classification of Educational Goals. Handbook I: Cognitive Domain*. New York: McKay.
- Bloom, B. S. (1979). *Taxonomy of Educational Objective*. New York: Longman.
- Bogdan, R. C. & Biklen, S. K. (2003). *Qualitative research for education: An introduction to theory and methods*. Boston: Allyn & Bacon.
- Bokhari M., Abdullah A. N., Hassan S. N. S., Jano Z. & Saadan R. (2014). Hubungan Antara Kefahaman, Kesedaran dan Amalan Teknologi Hijau Berdasarkan Perspektif Etnik di Negeri Melaka. *Journal of Human Capital Development*, 7 (2), 33-46.
- Bozkurt, Ö. & Stowell, A. (2016). *Skill in the green economy: recycling promises in the UK waste management sector, New Technology, Work, and Employment*, 31(2), 146-160.
- Brady, L. (1995). *Curriculum Development* (5th Ed.). Sydney: Prentice-Hall.
